

SULIT

SPSS/APR2016/DPI2153



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	QAWAID FIQHIYYAH
KOD KURSUS	:	DPI2153
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, ENAM (6) soalan dari BAHAGIAN B dan SATU (1) soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut merupakan persamaan antara Kaedah *Fiqh* dan Kaedah *Usul*?
 - A. Berkaitan masalah dan perkara yang berbentuk *juz'i* dan terperinci
 - B. Penjelasan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan *mukallaf*
 - C. Menjelaskan berkaitan dengan metodologi ahli *fiqh*
 - D. Keputusan dan hukum yang berbentuk kebanyakan

2. Apakah sumber hukum yang digunakan pada zaman Rasulullah SAW?
 - i. *Sunnah*
 - ii. Al-Quran
 - iii. *Ijtihad*
 - iv. *Ijmak*
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua pilihan di atas

3. Siapakah sahabat Rasulullah SAW yang diutuskan ke Yaman?
 - A. Mu'az bin Jabal
 - B. Qadi bin Yusuf
 - C. Uthman bin Afan
 - D. Zaid bin Harith

4. Manakah antara berikut merupakan surah yang menunjukkan pengharaman arak secara mutlak?
 - A. Surah al-Baqarah ayat 219
 - B. Surah an-Nisa ayat 43
 - C. Surah al-Maidah ayat 90-91
 - D. Surah al-Imran ayat 40

5. Pada zaman *Tabi'in*, di manakah aliran *Ra'yi* berkembang pesat dan berpengaruh?
- A. Madinah
 - B. Kufah
 - C. Makkah
 - D. Syria
6. *Fiqh* awal yang muncul pada zaman kelahiran ialah _____
- A. *Fiqh* Imam Syafi'i
 - B. *Fiqh* Imam Abu Hanifah
 - C. *Fiqh* Imam Ahmad
 - D. *Fiqh* Imam Malik
7. Apakah sumber rujukan yang digunakan dalam mazhab Syafi'i?
- i. *Al-Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*
 - ii. *Al-Majmu' al-Muzhab fi Qawaid al-Mazhab*
 - iii. *Al-Qawaid al-Nuraniyyah al-Fiqhiyyah*
 - iv. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i dan iv
 - D. iii dan iv
8. Bilakah pengkhususan dan mengkanunkan *fiqh* berlaku?
- A. 14 Hijrah
 - B. 12 Hijrah
 - C. 11 Hijrah
 - D. 13 Hijrah

9. Zainab berkabung selama 3 hari dengan memakai wangi-wangian atas tujuan disebabkan kematian suami kawannya. Apakah kaedah yang dinyatakan di dalam Hukum *furu'* ini?
- A. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
 - B. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat
 - C. Bahaya mesti dihapuskan
 - D. Adat dijadikan hakim
10. Manakah antara berikut adalah pecahan daripada kaedah '*al-Umur bi Maqosidiha'*?
- A. Segala akad yang mana maksudnya tidak membawa faedah terbatal
 - B. Asal sesuatu hukum adalah harus dijumpai dalil pengharamannya
 - C. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - D. Setiap yang berlaku diambil kira masa paling hampir
11. Antara berikut merupakan kategori *syak*, **KECUALI**
- A. Tidak dapat dipastikan asal atau sumbernya
 - B. Lahir daripada sumber yang haram
 - C. Lahir daripada asal atau dasar yang harus
 - D. Dapat dipastikan asal sumbernya
12. Apakah maksud '*Al-aslu baqa' ma kana ala ma kana'*'?
- A. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
 - B. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - C. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - D. Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya

13. Azri diberi kebenaran untuk menggunakan jalan di hadapan rumah jirannya sejak dia berpindah ke kawasan itu, tetapi jirannya menghalangi Azri daripada menggunakan jalan tersebut walaupun jirannya itu tidak mengetahui sejarah asal pembinaan jalan itu.

Berdasarkan pernyataan, apakah kaedah pecahan menurut Hukum *furu'*?

- A. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
 - B. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - C. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - D. Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya
14. Seorang ejen hartanah ingin menjual sebidang tanah kepada seorang peladang sedangkan dia mengetahui tanah itu berstatus tanah untuk perumahan.

Berdasarkan pernyataan, apakah kaedah pecahan menurut Hukum *furu'*?

- A. Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal
 - B. Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya
 - C. Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab
 - D. Asal sesuatu adalah harus
15. Liyana mengerjakan solat Zohor pada awal waktu kerana kkuatiri dia akan tertidur.

Berdasarkan pernyataan, apakah kaedah pecahan menurut Hukum *furu'*?

- A. Apabila sesuatu itu luas, hukum menjadi sempit
- B. Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas
- C. Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan
- D. Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya

16. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan *rukhsah harus*?
- A. Berbuka puasa bagi mereka yang bimbang membawa bahaya
 - B. Melihat kepada bakal pengantin atau tunang
 - C. Melaksanakan urusan jual beli salam atau secara tempahan
 - D. Berbuka puasa kerana keadaan cuaca panas
17. Apakah maksud "*al-Dharurah Tuqaddar bi Qadariha*"?
- A. Apabila keadaan menjadi mudah hukum kembali kepada asal
 - B. Apabila keadaan menjadi sukar diberi kemudahan
 - C. Dharurat ditentukan menurut kadarnya
 - D. Kesukaran membawa kemudahan
18. Nabi Muhammad SAW pernah menyuruh sahabat menebang sebatang pokok kurma milik sahabat yang memudaratkan jirannya menjadi sandaran kaedah:
- A. Adat menjadi hukum
 - B. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
 - C. Setiap urusan mesti disertai dengan niat
 - D. Bahaya mesti dihilangkan
19. Antara berikut merupakan skop kaedah yang termasuk dalam kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan", **KECUALI**
- A. Jual beli al-arayah
 - B. Khiyar syarat
 - C. Pelaksanaan hukum hudud
 - D. Sewa-menyewa
20. Kamal telah membunuh seekor ular tedung yang sedang melalui kawasan rumahnya
- Apakah kaedah yang ditunjukkan oleh perbuatan Kamal tersebut?
- A. Adat menjadi hukum
 - B. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
 - C. Setiap urusan mesti disertai dengan niat
 - D. Bahaya mesti dihilangkan

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan **DUA (2)** perbezaan antara Kaedah Fiqh dan Kaedah Usul.
(4 markah)
- b. Berikan **DUA (2)** prinsip umum dalam pembentukan perundangan.
(2 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** pembentukan aliran fiqh pada zaman Tabi' al-Tabi'in.
(2 markah)
- d. Sebutkan **DUA (2)** kitab yang membahaskan tentang Kaedah Fiqh.
(2 markah)

SOALAN 2

- a. Peranan mujtahid dan ulama merupakan salah satu faktor terbentuknya Kaedah Fiqh. Nyatakan **DUA (2)** peranan mujtahid dan ulama dalam pembentukan Kaedah Fiqh.
(2 markah)
- b. Siapakah ulama pertama yang mengarang kitab "*Asybah wa Nazair*"?
(2 markah)
- c. Berikan **TIGA (3)** kaedah asas yang disebut dalam kitab "*Asybah wa Nazair*".
(3 markah)
- d. Nyatakan **TIGA (3)** faedah mempelajari ilmu Kaedah Fiqh.
(3 markah)

SOALAN 3

- a. Jelaskan maksud kaedah '*al-Umur bi Maqosidiha*'.
(2 markah)
- b. Nyatakan **DUA (2)** hukum *furu'* daripada kaedah ini.
(2 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini.
(2 markah)
- d. Berikan hukum bagi masalah berikut dengan berpandukan kaedah di atas.
- Ahmad telah berniat bersedekah kepada syarikat Sport Toto ketika membeli nombor pertaruhan empat angka.
 - Zakuan menunaikan solat Asar dengan menyaringkan bacaannya dengan niat agar orang lain mengetahui dia sedang beribadah.
 - En Jamal telah mencarum sebanyak RM200 setiap bulan di dalam insuran takaful keluarga dengan harapan apabila ditimpa musibah dia akan menerima pampasan sebanyak RM200,000.
 - Seseorang telah berkata kepada isterinya "awak boleh balik ke rumah mak bapak awak" selepas bergaduh dengan niat untuk menceraikan isterinya.
(4 markah)

SOALAN 4

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah '*al-Yakni la Yuzal Bisyak*'?
(2 markah)
- b. Berikan **DUA(2)** hukum *furu'* daripada kaedah ini.
(2 markah)
- c. Nyatakan **DUA (2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini.
(2 markah)

d. Berikan pengertian yang berikut:

- i. *Syak*
- ii. *Zann*

(4 markah)

SOALAN 5

a. Huraikan maksud kaedah 'Kesukaran Membawa Kemudahan'.

(2 markah)

b. Jelaskan **DUA(2)** sebab-sebab rukhsah beserta contohnya.

(4 markah)

c. Nyatakan **DUA(2)** hukum *furu'* daripada kaedah ini

(2 markah)

d. Berikan hukum bagi masalah berikut berpandukan kaedah di atas

- i. Makan makanan yang telah disahkan oleh JAKIM mengandungi DNA khinzir
- ii. Menggadaikan emas dengan syarikat ar-Rahn untuk mendapatkan pinjaman dengan dikenakan upah simpan sebanyak 0.65 sen bagi setiap RM100 yang dipinjam dengan tempoh pinjaman selama 6 bulan

(2 markah)

SOALAN 6

a. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan"

(2 markah)

b. Berikan **TIGA (3)** hukum *furu'* daripada kaedah ini

(3 markah)

- c. Nyatakan **DUA(2)** kaedah pecahan daripada kaedah ini
(2 markah)
- d. Berikan hukum bagi masalah berikut berpandukan kaedah di atas
- i. Aminah memaksa Salina membayar hutangnya kerana dia memerlukan duit untuk membayar yuran persekolahannya
 - ii. Amir menghidap penyakit Luekimia tahap 3, sedangkan doktor telah mengambil darahnya untuk didermakan dengan salah seorang pesakit di situ yang kebetulan jenis darahnya sama
 - iii. Pak Abu telah menebang pokok kelapa milik jirannya kerana takut berlakunya sebarang kemudharatan terhadap rumahnya
- (3 markah)

SOALAN 7

- a. Jelaskan maksud kaedah '*al-Adah Muhakkamah*'
(2 markah)
- b. Huraikan **DUA(2)** klasifikasi adat beserta contoh
(3 markah)
- c. Jelaskan perbezaan antara adat dengan uruf
(2 markah)
- d) Berikan **DUA(2)** syarat adat boleh dijadikan sebagai sumber perundangan di dalam Islam
(2 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi DUA(2) soalan. Jawab SATU(1) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Ilmu Kaedah *Fiqhiyyah* telah mengalami beberapa peringkat perkembangan sebelum ianya dibukukan menjadi satu ilmu yang berguna kepada para mujtahid dan ulama. Huraikan sejarah perkembangan ilmu Kaedah *Fiqhiyyah* dari peringkat kelahiran sehingga peringkat pembukuannya menjadi satu ilmu yang terpenting

(20 markah)

SOALAN 2

Uruf dan adat kebiasaan itu merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam keadaan ketiadaan nas selagi ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. *Uruf* dan adat ini juga adalah suatu perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat secara berulang kali sehingga ianya kadang kala sehati dalam sesebuah masyarakat

Huraikan **EMPAT (4)** secara terperinci adat atau *uruf* yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat khususnya di negara Malaysia.

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

